



SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN  
AWAM MALAYSIA

**SEKILAS FAKTA**

**SPA9**

**SISTEM PENDAFTARAN PEKERJAAN  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

<https://spa9.spa.gov.my/>

## Apa Itu SPA9?



Sistem Pendaftaran Pendaftaran  
Pekerjaan Suruhanjaya  
Perkhidmatan Awam  
Malaysia (SPA9) merupakan  
penambah baikan daripada  
sistem sedia ada iaitu  
SPA8i.



SPA9 merupakan borang  
pendaftaran permohonan  
pekerjaan atas talian yang  
digunakan oleh pemohon bagi  
memohon pekerjaan dalam  
Perkhidmatan Awam Am  
Persekutuan.



SPA9 telah dibangunkan  
dengan padanan nombor Kad  
Pengenalan bagi janaan  
maklumat peribadi dan  
kelayakan akademik di mana  
pemohon boleh mengesahkan  
dan mengemaskini maklumat  
pendaftaran serta menyemak  
status permohonan.



**INFO**  
**SPA**  
BIL.17/2020

## Apa Beza SPA8i dengan SPA9?



Maklumat akademik diisi secara automatik oleh sistem di mana maklumat tersebut dijana terus daripada Jabatan/Agensi yang berkaitan.

Maklumat peribadi seperti status pemegang Kad OKU, penerima bantuan eKasih, status kewarganegaraan dan lesen memandu dijana secara automatik daripada Jabatan/Agensi yang berkaitan.

Fungsi Semakan Kelayakan Jawatan dalam SPA9 membolehkan calon membuat semakan kesesuaian jawatan yang dimohon dengan kelayakan akademik yang dimiliki.



**MAKLUMAT  
AKADEMIK**

Maklumat akademik calon diisi secara manual oleh calon. Ini cenderung kepada pengisian maklumat yang tidak lengkap dan kurang tepat.



**MAKLUMAT  
PERIBADI**

Maklumat peribadi seperti status pemegang Kad OKU, penerima bantuan eKasih, status kewarganegaraan dan lesen memandu diisi sendiri secara manual oleh calon.



**STATUS  
KELAYAKAN**

Calon memohon jawatan tanpa mengetahui kesesuaian jawatan yang dimohon dengan kelayakan akademik yang dimiliki.



**SPA8i**

INFO  
**SPA**  
BIL.18/2020

## Kenapa SPA9 Dibangunkan?



SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA



Penggunaan suatu sistem yang canggih dan berkapasiti tinggi serta dilengkapi teknologi terkini untuk memenuhi keperluan semasa dan masa depan pengguna khususnya pemohon pekerjaan.



Mengoptimumkan penggunaan Kad Pengenalan (Mykad) bagi mendapatkan maklumat dan paparan data pemohon.



Meningkatkan integriti data pemohon dengan mengurangkan *user input* melalui integrasi data dengan pelbagai agensi kerajaan.



Menyediakan kemudahan Semakan Kelayakan Jawatan bagi mengenal pasti skim jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan pemohon.

## Ada Apa Dengan SPA9?

### PENGISSIAN MAKLUMAT AKADEMIK SECARA AUTOMATIK

Pengisian maklumat akademik calon secara automatik yang dijana terus daripada Kementerian Pendidikan/IPT/Agensi yang berkaitan.



### SEMAKAN KELAYAKAN

Semakan status kelayakan jawatan yang dimohon berdasarkan kelayakan akademik calon.



### PENGIKTIRAFAN AKADEMIK


Pengesahan pengiktirafan kelayakan akademik secara automatik.

### PERKONGSIAN MAKLUMAT TERUS DARIPADA AGENSI

Pengisian maklumat kewarganegaraan, pemegang Kad Orang Kurang Upaya (OKU), penerima bantuan eKasih dan lesen memandu secara terus daripada agensi terlibat.

**INFO SPA**  
**BIL.20/2020**

# Integrasi Data Dalam SPA9



**INFO  
SPA**  
BIL.21/2020

# Kelebihan SPA9 Kepada Calon



SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA



## SEMAKAN KELAYAKAN

Sistem dapat memaparkan maklumat jawatan yang bersesuaian berdasarkan bidang pengkhususan calon agar calon boleh memilih jawatan mengikut kelayakan yang dimiliki.



## PERMOHONAN LEBIH MUDAH

Maklumat calon akan dipaparkan secara automatik apabila calon mendaftar masuk ke dalam Sistem SPA9.

**INFO  
SPA**  
BIL.22/2020



SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA



# Kelebihan SPA9 Kepada SPA



## CEPAT

Mempercepatkan proses tapisan kerana maklumat lengkap dapat diperoleh melalui Sistem SPA9.



## KURANG ADUAN

Mengurangkan aduan calon berhubung kesilapan yang dilakukan semasa membuat permohonan jawatan.



## INTEGRITI DATA

Data-data lebih berintegriti diperoleh melalui perkongsian data dengan pelbagai agensi yang terlibat.

+11,00.00



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Aras 1, 2 & 4 -13, Blok F1, Kompleks F  
No.2, Lebuhr Perdana Timur A, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62000 PUTRAJAYA.